

K-15 terima semua syor Malaysia

UM - 4 JUN 1990

KUALA LUMPUR 3 Jun — Cadangan Malaysia supaya diwujudkan sistem pembayaran dagangan yang dijamin oleh bank pusat serta penubuhan pusat pelaburan dagangan dan teknologi adalah di antara tiga cadangan projek yang diterima sebulat suara untuk dilaksanakan serta merta oleh Sidang Kemuncak Kumpulan 15 yang berakhir hari ini.

Satu lagi cadangan projek yang diterima oleh sidang kemuncak 15 negara sedang membangun ini ialah yang dikemukakan oleh Yugoslavia iaitu pembentukan forum perniagaan dan pelaburan untuk menggerakkan kerjasama di antara masyarakat perniagaan dan kerajaan Selatan-Selatan.

Tiga projek cadangan itu adalah di antara 13 projek cadangan yang telah dikemukakan oleh kalangan negara anggota untuk dipertimbangkan oleh sidang kemuncak K-15 yang pertama ini.

Oleh
**Rozaid Abdul Rahman dan
Zaharuddin Mohd. Ali**

Perdana Menteri Dato' ~~Sri Dr. Mahathir Mohamad~~ yang menghuraikan butir-butir pernyataan bersama yang dicapai oleh sidang itu dalam sidang akhbar petang ini semua sembilan lagi projek telah diterima secara prinsip untuk dikaji lebih lanjut.

Antara sembilan cadangan projek berkenaan ialah bank baka untuk kajian bio-teknologi dan peti sejuk yang menggunakan kuasa solar bagi menyimpan ubat - ubatan dan vaksin di kawasan luar bandar (India); sistem pasaran untuk projek teknikal (Yugoslavia); pameran perdagangan Selatan - Selatan (Zimbabwe); kerjasama perniagaan sektor swasta negara Selatan - Selatan (Argentina) kerjasama dalam sektor pemakanan dan perancangan keluarga (Indonesia).

Mengenai sistem pembayaran dagangan melalui bank pusat yang dicadangkan oleh Malaysia, sidang kemuncak telah mengarahkan sebuah kumpulan khas bank pusat merumus butir - butir tentang cara pembayaran di kalangan negara anggota serta mekanismenya untuk dilaksanakan di bawah satu projek percubaan.

LIHAT MUKA 2

K-15 TERIMA SEMUA SYOR MALAYSIA

UM - 4 JUN 1990

Sebuah lagi jawatankuasa khas turut dibentuk untuk mengendalikart penubuhan pusat maklumat pelaburan.

Menyentuh mengenai projek ketiga iaitu forum perdagangan dan pelaburan, pernyataan bersama menyebut, ia akan membolehkan negara - negara anggota bertukar - tukar maklumat dan pandangan untuk menggalakkan kerjasama dagangan Selatan - Selatan.

Bagaimanapun sidang K-15 bersetuju dibuat kajian lanjut ke atas pembangunan sains dan teknologi, makanan dan kependudukan (yang turut terkandung dalam 12 cadangan awal).

Kesemua cadangan yang diterima untuk pelaksanaan itu akan dikemukakan kepada Pergerakan Negara - Negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan 77 (K-77).

"Kami juga akan memainkan peranan tertentu untuk menarik pelaburan secara terus dan lain - lain aliran bukan hutang.

"Ini hanya akan dicapai jika wujud keharmonian dalam pertumbuhan ekonomi dunia," kata pernyataan itu lagi.

Mengenai isu hutang, pernyataan itu memberitahu, terdapat keperluan untuk tindakan yang lebih inovatif, komprehensif dan fleksibel untuk mengatasi masalah tersebut.

Ini perlu dilaksanakan segera bagi menyekat aliran negatif yang boleh membahayakan usaha negara - negara membangun mencatatkan paras pertumbuhan yang menggalakkan dan memulihkan pendapatan.

Pernyataan itu menegaskan, usaha dari negara - negara membangun diperlukan untuk mengurangkan imbalan hutang dalam dan luar negeri, memperbaiki fungsi kewangan antarabangsa, menstabilkan nilai matawang, mengurangkan kadar faedah dan menyediakan pasaran bagi hasil keluaran negara terlibat.

Menurut kenyataan itu, K-15 mengalu - alukan inisiatif yang diperkenalkan baru - baru ini bagi mengurangkan stok pinjaman dan pembiayaan pinjaman.

Dalam pada itu pernyataan tersebut menegaskan adalah penting mengekalkan sistem perdagangan pelbagai hala untuk memperluaskan lagi perdagangan dunia dan pembangunan semua negara.

Hubungan dagangan di antara pihak - pihak tertentu sahaja yang mengancam sistem perdagangan pelbagai hala perlu dikaji semula.

"Kita mahu melihat komitmen tersebut dilaksanakan oleh negara - negara membangun supaya ia dapat memberi keutamaan untuk memperbaiki kemasukan eksport hasil keluaran dari negara membangun dalam usaha memperkukuhkan lagi sistem perdagangan pelbagai hala," jelas pernyataan itu.

Dalam hubungan ini, pernyataan K-15 berkata, anggota pertubuhan itu akan mengadakan rundingan sesama mereka bagi memperolehi imbalan yang lebih bermakna dalam rundingan perdagangan pelbagai hala pusingan Uruguay dengan menitikberatkan pembangunan ekonomi dan teknologi yang diperlukan oleh negara - negara membangun.